


Hiperhidrosis Dapat Dirawat

Berpeluh ialah tanda bagi kesihatan yang baik. Namun begitu, berpeluh secara berlebihan pula menunjukkan hal yang sebaliknya. Sebagai contohnya, Nazim yang kini berumur 15 tahun berasa sangat tertekan dengan masalah tangan dan kakinya yang berpeluh secara berlebihan. Dia yang merupakan anak sulung daripada lima adik beradik menghidap masalah ini sejak darjah empat dan sentiasa menyuarakan masalah ini kepada ibu bapanya. Masalah penyakit Nazim dirujuk kepada doktor pakar. Seterusnya Nazim disarankan untuk menjalani pembedahan.



Hiperhidrosis pada tapak tangan.

Penyakit yang dihidapinya ini dikenali sebagai penyakit peluh yang melampau atau hiperhidrosis. Masih banyak masyarakat umum yang tidak tahu bahawa keadaan ini ialah sejenis penyakit dan beranggapan bahawa keadaan ini masalah biasa.

Walaupun tidak menyebabkan kemudaratan terhadap kesihatan dan tidak berjangkit kepada orang lain, ketidakelesaan dan gangguan psikologi berlaku pada pesakit. Hal ini menyebabkan pesakit berasa malu, kurang yakin diri, atau rasa rendah diri



ketika berhadapan dengan masyarakat luar.

Ada pesakit yang tidak mahu ke masjid atau berdebar-debar apabila hari raya menjelang tiba. Hal ini dikatakan demikian kerana pesakit berasa malu untuk bersalam kerana tangannya basah. Ada pesakit yang peluhnya menitik tanpa sebab dan kaki terendam di dalam kasut disebabkan oleh perpeluhan pada kaki. Lantaran itu, mereka berasa sukar untuk menjalani kehidupan. Masalah ini bukan sahaja dipengaruhi oleh keadaan sekitar, malah perubahan emosi, seperti resah, gelisah, gementar, sedih dan gembira. Selain itu, penyakit ini turut menyebabkan badan mengeluarkan peluh dengan banyaknya.

Kesan Hiperhidrosis

- Tidak dapat melakukan aktiviti harian.
- Berasa malu apabila baju dan tapak tangan basah.
- Kerap menukar baju atau stoking.
- Enggan bersalaman atau berjabat tangan.
- Prestasi kerja terjejas.
- Berasa malu untuk menyertai aktiviti sosial keluarga atau rakan.
- Tertekan.
- Kecewa.
- Kurang keyakinan diri.
- Mengalami masalah dalam hubungan intim.

Hiperhidrosis berlaku pada lelaki atau perempuan pada semua peringkat umur. Biasanya, penyakit ini berlaku sejak kecil dan kekal sepanjang hayat, jika tidak diubati.

Selain berhadapan dengan masalah ketiak yang sentiasa basah, pesakit juga terpaksa berhati-hati dalam pemilihan warna pakaian. Hal ini penting supaya kesan peluh pada badan tidak kelihatan. Stoking pula perlu lebih kerap ditukar supaya gejala kaki berbau yang disebabkan oleh peluh berlebihan pada kaki dapat dielakkan. Pada masa yang sama, pilihan kasut yang sesuai adalah terhad.

Hiperhidrosis berlaku pada lelaki atau perempuan pada semua peringkat umur. Biasanya, penyakit ini berlaku sejak kecil dan kekal sepanjang hayat, jika tidak diubati. Berdasarkan kajian, sebanyak tiga peratus masalah hiperhidrosis dialami oleh penduduk Asia Tenggara. Antara 25 hingga 50



rhidrosis pada kaki.

atus pesakit hiperhidrosis pula mempunyai sejarah keluarga yang nghidap penyakit ini.

Punca penyakit ini kurang jelas dan aitkan dengan aktiviti berlebihan af simpatetik yang memberikan gsgangan terhadap kelenjar peluh dalam badan, terutamanya kelenjar h pada tapak tangan dan kaki. a perpeluhan berlebihan berlaku, itamanya pada tangan, peluh ini at menitis. Hiperhidrosis setempat alunya melibatkan bahagian muka, ak tangan dan kaki. Hiperhidrosis nyeluruh pula merujuk perpeluhan la seluruh badan.



Hiperhidrosis pada ketiak.

Ada dua jenis hiperhidrosis. Yang pertamanya, hiperhidrosis primer, iaitu idiopatik atau tidak diketahui puncanya. Yang keduanya, hiperhidrosis sekunder, iaitu disebabkan oleh penyakit lain, seperti kencing manis, tuberkulosis (batuk kering), limfoma, obesiti, kehamilan dan menopause.

Ada dua rawatan hiperhidrosis. Yang pertama, tanpa pembedahan, iaitu dirawat dengan menggunakan ubat, iontoforesis dan suntikan botulinum toksin. Yang kedua, dengan pembedahan.

Rawatan hiperhidrosis bergantung pada tahap keterukan masalah ini. Jika masalah ini tidak teruk, pesakit diberi


ubat sapu yang bertindak sebagai antipeluh. Ubat ini mengandungi aluminium klorida. Ubat makan juga boleh diberikan, jika dirasakan sesuai. Ubat ini mengandungi antikolinergi, seperti amitriptilina, untuk mengurangkan aktiviti saraf. Walau bagaimanapun, ubat ini mempunyai kesan sampingan, seperti mengantuk. Hal ini menyebabkan ubat ini kurang popular dalam kalangan pesakit.


Di samping itu, rawatan dapat dilakukan dengan kaedah pengionan, iaitu dengan menggunakan arus elektrik. Kaedah ini juga tidak digemari. Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi kaedah ini, kulit berasa sakit, rawatan perlu diulang beberapa kali dan tempoh rawatan lama. Suntikan botulinum toksin A pula digunakan supaya saraf yang merangsang kelenjar peluh dilumpuhkan. Suntikan dilakukan pada aksilari dan tapak tangan. Kaedah ini bukan sahaja mahal, tetapi menyebabkan kesakitan dan perlu diulang setiap empat hingga enam bulan.

Kaedah terbaik ialah pembedahan endoskopi torasik simpatektomi (ETS) atau pembedahan simpatektomi.



atan endoskopi torasik simpatektomi.






Rawatan dengan menggunakan iontophoresis.

Menerusi kaedah ini, sebanyak 99 peratus masalah tangan berpeluh, 90 peratus masalah kaki berpeluh dan 70 peratus masalah kaki berpeluh dapat diatasi. Menerusi kaedah ini juga, kesan yang diperoleh serta-merta dan sepanjang hayat. Dengan ETS, rawatan hiperhidrosis berubah

daripada penggunaan ubat kepada pembedahan.

Yang paling baiknya, komplikasi pembedahan ETS satu peratus sahaja. Perpeluhan pada tempat lain, seperti pada kaki atau badan, ialah komplikasi yang paling kerap dilaporkan, iaitu sebanyak 40 peratus. Komplikasi ini,



Suntikan botok pada tapak tangan.

sama ada bersifat sementara atau kekal. Komplikasi lain yang dapat berlaku ialah kerosakan saraf frenik, saraf brakial plexus, sindrom horner, perdarahan ruang paru-paru dan pneumotoraks.

ETS sangat berkesan bagi rawatan hiperhidrosis pada tangan, muka dan sebahagian kaki. Kesan yang drastik dengan komplikasi yang minimum menyebabkan rawatan ini makin popular dalam rawatan hiperhidrosis. □

Penulis Pensyarah/Pakar Perubatan Keluarga HUSM.

